

# Perhebat-UMS wujud Kampus Satelit pertama

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UB 28.2.2018 A4  
KOTA KINABALU: Pewujudan Kampus Satelit Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) yang pertama di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilihat sebagai peluang yang baik untuk bekas tentera melengkapkan diri dengan ilmu dan latihan kemahiran bagi menjana pendapatan masing-masing.

UMS adalah universiti awam pertama yang menjalin kerjasama dengan Perhebat bagi melatih veteran dan bakal pesara tentera dalam pelbagai bidang termasuklah pertanian, akuakultur dan

pembuatan makanan.

Ketua Menteri Tan Sri Musa Haji Aman berkata dengan adanya kampus itu, ia membolehkan veteran dan bakal pesara mempelajari kemahiran baharu yang membolehkan mereka menjadi insan yang serba boleh.

Katanya, ilmu dan kemahiran yang diperolehi itu akan memudahkan bakal pesara mahupun veteran tentera memperoleh pekerjaan serta menjadi seorang pengusaha ketika sudah bersara.

Sementara itu, Pengerusi Perhebat Leftenan Jeneral (B) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim berkata daripada

400,000 veteran dan pesara berdaftar di bawah Perhebat, seramai 130,000 adalah berpencen.

Untuk Sabah, terdapat 15,000 alumni pesara yang berada di negeri ini dan 4,000 daripadanya adalah berpencen.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata kerjasama itu membolehkan UMS menyumbang kepakaran serta pemindahan ilmu kepada golongan bekas tentera bagi membolehkan mereka mendapatkan kemahiran baharu sekaligus membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka.



**MUSA** (kanan) beramah mesra dengan anggota Perhebat yang hadir di majlis itu.